

18 OCT 2002

MAHATHIR-ASEAN

KERJASAMA INDIA-ASEAN PERLU DIPERTINGKATKAN

Oleh: Zulkefli Salleh

NEW DELHI, 18 Okt (Bernama) -- Tahap kerjasama antara India dan Asean dijangka dipertingkatkan lagi di mesyuarat Sidang Kemuncak Asean yang akan datang di Phnom Penh, Kemboja, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau percaya India berminat untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dengan negara-negara Asean.

"Saya rasa mereka sangat berminat kerana India sering merasakan ia sepatutnya menjadi satu daripada rakan dialog kumpulan negara-negara Asean," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya sama ada Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee telah memberikan maklum balas kepada cadangannya semalam bahawa sudah sampai masanya bagi India dan Asean untuk menjalin perkongsian ekonomi menyeluruh bagi faedah bersama.

Dr Mahathir mengusulkan cadangan itu dalam ucap tamanya di Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean yang dianjurkan oleh Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India (FICCI) yang sebelumnya telah dirasmikan oleh Vajpayee.

"Saya rasa mesyuarat antara Asean dan India di Sidang Kemuncak di Phnom Penh itu akan mengukuhkan lagi kerjasama," kata Dr Mahathir.

"Kita akan cari jalan bagaimana untuk meningkatkan kerjasama. Pasti tumpuan diberikan kepada kerjasama ekonomi tetapi bahagian lain juga akan turut diberi perhatian," katanya.

Dr Mahathir, dalam ucapannya juga berkata, apa yang menarik dapat dilihat di sini, di India, adalah minat yang mendalam terhadap Perjanjian Perkongsian Ekonomi Asean-India.

Perdana Menteri berkata negara-negara Asean berminat untuk menjalin hubungan lebih rapat dengan India kerana mereka melihat negara itu sebagai pasaran yang berpotensi bagi barangan mereka dan juga rakan kongsi dagangan yang baik.

"Oleh itu kedua-dua pihak berminat untuk mengeratkan lagi hubungan bagi tujuan faedah bersama," katanya.

Mengenai perbincangan dua hala dengan Vajpayee, Dr Mahathir berkata Malaysia menyuarakan keperluan untuk meningkatkan lagi kekerapan penerbangan terutama ke Hyderabad dan New Delhi dari Kuala Lumpur dan sebaliknya.

"Oleh kerana lebih ramai rakyat Malaysia yang terlibat dengan India dari segi kegiatan perdagangan dan ekonomi seperti mengusahakan projek-projek di antara kedua-dua negara, mustahak bagi mereka untuk mendapat kemasukan yang mudah antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata tanpa mendapat hak mendarat yang lebih banyak kadar kemajuan kegiatan ekonomi dan kerjasama antara kedua-dua pihak boleh terbantut.

Dr Mahathir berkata duti import tinggi yang dikenakan oleh India ke atas minyak sawit berbanding kacang soya dari AS juga dibangkitkan dalam perbincangan dua hala itu.

India, China dan Pakistan merupakan pembeli utama minyak sawit.

Turut dibincangkan adalah masalah-masalah kecil berkaitan import biji benih bagi industri kelapa sawit di Hyderabad.

Dr Mahathir berkata India juga berminat untuk menghantar lebih ramai kontraktornya menyertai projek-projek di Malaysia dan begitu juga sebaliknya. -- BERNAMA

ZS SHO FR ZK